



**KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN KETERJAMINAN MAKANAN**

TEKS UCAPAN PERASMIAN

**YANG BERTHORMAT DATUK SERI HAJI MOHAMAD BIN
SABU**

MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN EKSPLO PAKAR PERTANIAN 2024

PADA

**2 MAC 2024 (SABTU) JAM 10.30 PAGI
HALL A, MAEPS SERDANG, SELANGOR**

RUJUK SALUTASI TERKINI DI LAPANGAN

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,
Salam Perpaduan, Salam MALAYSIA MADANI dan Salam
PINTAR

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

1. Pertamanya, saya ingin menzahirkan ucapan terima kasih kepada **MARDI Corporation Sdn Bhd** dan **8tivation Studio Sdn Bhd** atas kesudian menjemput saya untuk hadir dan merasmikan **EKSPO PAKAR PERTANIAN 2024 pada hari ini**. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang sama-sama terlibat menyumbang tenaga dan usaha dalam menjayakan acara ini.
2. **EKSPO PAKAR PERTANIAN** merupakan wadah kecemerlangan dan perpaduan yang berperanan penting dalam mengetengahkan kepelbagaian sektor pertanian negara kita. Saya dan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) sukacitanya menyambut kehadiran anda semua dalam acara yang penuh bermakna ini.

Tuan/Puan yang saya dihormati,

3. Tahun ini, saya telah menetapkan hala tuju KPKM bagi tahun 2024; yang bertemakan **“INOVASI NASIONAL KETERJAMINAN AGROMAKANAN RAKYAT”** yang meneruskan fokus tahun 2023 iaitu akuakultur, penternakan ruminan, jagung bijirin, penglibatan anak muda dan pemerksaan institut latihan pertanian atau TVET Pertanian.
4. Bagi tahun 2024, saya juga telah menekankan kepada pembangunan empat (4) industri iaitu **padi dan beras, ayam itik dan telur, bawang merah dan nanas** dalam memastikan kemajuan yang berterusan untuk menangani cabaran keselamatan makanan dan untuk meningkatkan lagi pertumbuhan ekonomi dalam sektor pertanian.
5. Kesemua fokus ini telahpun ditetapkan sasaran dan strategi dan ianya akan digerakkan oleh Kementerian dan agensi mulai sekarang. Saya juga menyeru pihak industri untuk sama-sama **menggembleng tenaga, menyambut dan menyokong pihak Kerajaan bagi memastikan sasaran** yang telah ditetapkan dapat dicapai.

Inisiatif “Gelombang Padi”

6. Untuk makluman, **Inisiatif 'Gelombang Padi'** telah digerakkan mulai tahun ini di mana kita mahu dalam masa 7 ke 10 tahun lagi, **Kadar Sara Diri atau SSR beras negara akan mencapai sekurang-kurangnya 80%** sekaligus berupaya untuk mengurangkan kebergantungan negara terhadap eksport. Saya yakin dengan komitmen dan kerjasama daripada semua kumpulan sasar di setiap peringkat, angka ini akan boleh dicapai.

7. Antara tindakan lain yang turut dilaksanakan adalah usaha memulih dan membangunkan kawasan tanah jerlus, memperkasa pembekalan input pertanian, dan **memperkasa penanaman padi bukit dan padi huma di Sabah dan Sarawak** dengan menyediakan peruntukan bagi pembekalan input pertanian.

Industri Ayam dan Telur

8. Seterusnya, bagi **memperkukuhkan lagi sektor ayam dan telur**, saya dan KPKM bersedia dan akan menerajui usaha bagi mempermudah proses mendapatkan **kebenaran merancang terutamanya bagi menukar ladang ternakan ayam kepada sistem tertutup** dan

bersedia untuk mengadakan Libat Urus bersama Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan bagi menyelesaikan isu sedia ada.

9. Baru-baru ini saya dan delegasi berkesempatan mengadakan lawatan kerja di Iran dan antara potensi kerjasama yang boleh dijalinkan adalah dari segi **penyelidikan dan perkongsian teknologi baka ayam Arian.**

Industri Penanaman Bawang

10. Sasaran KPKM pada masa ini adalah untuk **mengurangkan import bawang sebanyak 30 peratus** yang disokong dengan **pelaksanaan kajian berkaitan bawang oleh Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI)** sejak tahun 2020.
11. Hasil daripada kajian tersebut, MARDI telah memperkenalkan **tiga (3) varieti bawang kecil yang boleh ditanam di Malaysia iaitu BAW-1, BAW-2 dan BAW-3.** Ketiga-tiga varieti ini berbeza daripada segi saiz, warna, keupayaan adaptasinya terhadap jenis tanah yang ditanam dan **mampu mengeluarkan hasil sekitar empat**

(4) hingga enam (6) tan metrik per hektar bagi sekali penuaian.

Pembangunan Industri Nanas

12. Menyentuh tentang konsep penanaman industri rintis nanas, industri nanas, pada tahun 2024, Malaysia melalui KPKM akan memperkenalkan konsep tanaman nanas iaitu 'Sekali Tanam, Tiga Kali Tuai'. Konsep ini memberi penekanan kepada hasil tuaian buah, benih dan sisa nanas yang boleh memberi pendapatan tambahan kepada pengusaha sebanyak 37 ribu ringgit sehektar daripada jualan sisa nanas sahaja.

Tuan/Puan yang dihormati,

13. EKSPLO PAKAR PERTANIAN bukan sahaja menjadi satu platform pertukaran pengetahuan, tetapi juga merupakan pintu gerbang ke arah pemantapan sektor pertanian agar ianya lebih berdaya saing dan mampan. Saya menggalakkan semua peserta dan pengunjung untuk mengambil peluang melawat setiap ruangan pameran dan merapatkan hubungan kerjasama antara industri dan pihak kerajaan.

14. Sekali lagi saya ucapkan tahniah kepada **MARDI Corporation Sdn Bhd dan 8tivation Studio Sdn Bhd** dan syarikat-syarikat peneraju dan beberapa syarikat korporat lain yang terlibat dalam membuat persiapan dan penganjuran aktiviti di EKSPLO PAKAR PERTANIAN.
15. Terima kasih sekali lagi kepada wakil jemputan daripada jabatan, agensi, syarikat dan wakil persatuan yang turut hadir pada majlis pada hari ini.
16. Adalah menjadi harapan saya supaya semua usaha murni Kerajaan terus diperkasa dan mendapat sokongan semua pihak selari dengan matlamat Kerajaan dalam menjamin sekuriti makanan negara sepanjang masa.
17. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dan kita semua merasmikan

“EKSPLO PAKAR PERTANIAN 2024”

Sekian, terima kasih.